


ULASAN BUKU

Kamal Halili Hassan dan Rozanah Ab. Rahman,
2014, *Undang-undang Keselamatan Industri*
***di Malaysia*, 195 halaman,**
ISBN9789834612801.

Pengulas: *Rohani Abdul Rahim*
 rohani_rahim@yahoo.co.uk

Fakulti Undang-undang,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



Buku *Undang-undang Keselamatan Industri di Malaysia* (Edisi Kedua) tulisan Kamal Halili Hassan dan Rozanah Ab. Rahman ini mempunyai kekuatannya tersendiri kerana tidak rumit untuk difahami dan gaya bahasanya yang jelas berserta contoh yang relevan. Buku ini dapat dijadikan contoh penulisan yang baik kerana mudah ditanggapi oleh kelompok pelajar, golongan yang terlibat dengan industri dan golongan awam yang mula berjinak-jinak untuk memahami undang-undang yang berkaitan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Industri 1994 (AKKP). Perundangan serta peraturan lain yang berkait rapat dengan aplikasi, pelaksanaan dan penguatkuasaan AKKP juga diterangkan dalam buku ini.

AKKP, 1994 merupakan perundangan induk yang digubal oleh kerajaan dalam usaha mencegah berlakunya kemalangan di tempat kerja. Kemalangan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti kecuaiian, kerosakan jentera atau reka bentuknya yang tidak sesuai. Kehadiran AKKP 1994 ini menggariskan apa-apa yang dikehendaki dilakukan dan apa-apa yang dilarang dipatuhi oleh pihak-pihak yang berada di tempat kerja. Kewajipan ini diletakkan kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang mengurus organisasi, majikan dan pekerja. Pihak-pihak lain yang menyediakan bahan bahaya dan jentera yang berpotensi boleh membahayakan pekerja juga boleh dikaitkan dengan kejadian kemalangan apabila kewajipan masing-masing gagal dilaksanakan. Perlindungan yang diberikan akta ini bukan sahaja kepada pekerja dan pihak yang terlibat dalam pengurusan di tempat kerja tetapi juga kepada sesiapa sahaja yang berada di premis pekerjaan.

Akta ini dikawal selia oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan daripada Kementerian Sumber Manusia dan dibahagikan kepada lima belas bahagian, iaitu permulaan, pelantikan pegawai, Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan, kewajipan am majikan dan orang yang bekerja

sendiri, kewajipan am pereka bentuk, pengilang dan pembekal, kewajipan am pekerja, organisasi keselamatan dan kesihatan, pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan dan siasatan, larangan terhadap penggunaan loji atau bahan, tataamalan industri, penguatkuasaan dan penyiasatan, liabiliti bagi kesalahan, rayuan, peraturan-peraturan, dan pelbagai hal lain.

Walaupun penulisan ini menghuraikan dan mentafsirkan hampir setiap seksyen daripada AKKP namun tidak sedemikian kerana setiap seksyen yang diteliti diberi “isi dan daging” dengan mentafsir, menghurai dan membincangkan setiap seksyen ini sehingga lengkap sebagai suatu penulisan buku yang mengandungi ilmu dan hujah yang mudah diikuti oleh pembacanya. Perkara yang sama dilakukan kepada sejumlah perundangan dan peraturan yang memfokus pada pelaksanaan kegiatan melindungi pekerja di tempat kerja mereka.

Perundangan dan peraturan ini adalah seperti yang berikut:

Akta Sosial Pekerja, 1969

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992,

Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)

Akta Kilang dan Jentera (pindaan) 2006

Akta Pampasan Pekerja, 1952

Kanun Keseksaan

Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan 1960

Peraturan Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan 2000

Peraturan-peraturan (Dandang Stim dan Penggandung Tekanan Tak Berapi) Kilang dan Jentera 1970

Peraturan-peraturan (Habuk mineral) 1989

Peraturan-peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera 1970 (Semakan 1983)

Peraturan-peraturan (Lif Barangan dan Pengangkutan Elektrik) Kilang dan Jentera 1970

Peraturan-peraturan (Pendedahan Bunyi) Kilang dan Jentera 1989

Peraturan-peraturan (Pemagaran Jentera dan Keselamatan) Kilang dan Jentera 1970

Peraturan-peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 dan (Pindaan 1970 dan 2004)

Peraturan-peraturan (Pentadbiran) Kilang dan Jentera 1970

Peraturan-peraturan (Proses Asbestos) Kilang dan Jentera 1986

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 1996

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan terhadap Bahaya Kemalangan Besar dalam Perindustrian) 1996

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.P.U.(A)

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penyataan Dasar Am Majikan tentang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 1995

Sejumlah kes luar negara dan dalam negara yang sering dirujuk penulis dalam bidang ini juga dirujuk serta dihuraikan untuk memperjelas perkara yang menjadi pertikaian antara pekerja dan majikan. Antaranya termasuklah:

Barlett lwn Newble (1979)HS 18046/79 (tidak dilaporkan)

Belhaven Brewery lwn Mc Lean [1975]IRLR

Brown lwn National Coal Board [1962] AC574HL

Wolverhampton Ltd. lwn Hayes [1959] AC 743, HL

Edwards lwn National Coal Board [1949] 1 KB 704

Hanafi bin Mat Saman lwn Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja, Per.No.SS 137 Tahun 1997

Sarojini a/p Rajoo lwn lwn Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja, Per. No.SS (KS) 77 Tahun 1995.

Buku *Undang-undang Keselamatan Industri di Malaysia* ini memberikan tumpuan perbincangan dalam perkara teras dalam Akta KKP,1994 termasuklah:

Latar belakang sebelum AKKP,1994 ini digubal,

Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja,
Peranan Pegawai Keselamatan di Tempat Kerja
Kewajipan Majikan, Pengusaha, Pereka Bentuk, Pengilang, Pembekal dan
Pekerja
Penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Akta Kilang dan Jentera 1967
Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dan
Piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Keselamatan
Industri.

Walaupun Buku *Undang-undang Keselamatan Industri di Malaysia* (Edisi Kedua) ini menekankan soal keselamatan industri, namun penulis tidak lupa tentang aspek lain yang sama penting, iaitu perlindungan kesihatan di tempat kerja. Ancaman terhadap kesihatan di tempat kerja dinamakan penyakit pekerjaan yang berpunca daripada kegiatan dan faktor persekitaran kerja yang tidak selamat.

Antara penyakit pekerjaan yang dilindungi termasuklah penyakit sistem kardiovaskular, seperti penyakit paru-paru pekerjaan, penyakit kulit pekerjaan, otot rangka, penyakit sistem pembiakan, penyakit sistem saraf pusat, penyakit berkaitan bangunan, penyakit hati, penyakit ginjal, penyakit psikiatri atau gangguan kesihatan mental, dan kanser pekerjaan. Jenis penyakit pekerjaan mengikut agen penyebab pula termasuklah logam, gas, pelarut, racun serangga, hilang pendengaran akibat kebisingan, gegaran, suhu, radiasi, tekanan, agen berjangkit (penyakit pekerjaan berjangkit). Majlis Keselamatan dan Kesihatan pekerja perlu berperanan memantau, membuat pemberitahuan tentang penyakit serta keracunan pekerjaan yang dilaporkan, memantau aktiviti penyiasatan penyakit pekerjaan oleh negeri, menganalisis data penyakit dan keracunan pekerjaan yang dilaporkan dan menyediakan laporan kejadian penyakit dan keracunan pekerjaan, merancang dan melaksana dan memantau program pengawasan kesihatan warga JKPP, memberikan input kepakaran dalam penggubalan dasar kesihatan pekerjaan, memberikan khidmat nasihat kepada pejabat negeri, agensi luar, pengamal kesihatan dan orang ramai.

Tempat kerja tertentu cenderung dan berpotensi menjadi punca kepada berlakunya kemalangan. Punca kemalangan ini disebut bahaya (*hazard*) pekerjaan yang boleh dibahagikan kepada lima jenis, iaitu fizikal, kimia, secara biologi, ergonomik, dan psikososial. Contoh situasi bahaya ini ialah:

(a) Bahaya fizikal adalah seperti suhu terlampau seperti sejuk atau panas,

- mekanikal, gegaran, kebisingan, elektrik, radiasi, tekanan rendah atau tinggi dan pencahayaan;
- (b) bahaya kimia pula terdiri daripada asid atau alkali, pelarut, bahan disinfeksi, gas anastasia dan ubat sitotoksik;
 - (c) bahaya biologi adalah seperti virus, bakteria, protozoa, kulat, plasmodium;
 - (d) bahaya ergonomik pula antara lain termasuklah pergerakan berulang, tiada pergerakan, mengangkat beban, kecederaan otot rangka, unit paparan visual; dan
 - (e) bahaya psikososial adalah seperti stres pekerjaan, depresi atau kerisauan, ketagihan dadah atau ubat, dan penderaan seksual.

Bab 8 buku ini menjelaskan piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai keselamatan industri dan penyakit pekerjaan.

Dalam soal penguatkuasaan AKKP, 1994 Bahagian XI menyenaraikan kuasa yang diberikan kepada Pegawai KKP untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan tujuan akta termasuklah kuasa untuk memasuki premis, memeriksa, meneliti, menggeledah, mengambil salinan, menyita dan menyiasat. Setelah kuasa tersebut dilaksanakan, pegawai KKP boleh mengambil langkah yang terakhir, iaitu mengemukakan notis kepada majikan.

Sebagai rumusan, buku yang diberi nafas baharu ini mampu memperjelas kandungan AKKP, 1994 secara menyeluruh dengan mengetengahkan kes dan peraturan yang berkaitan, sama ada dari dalam mahupun luar negara.